



**KOLEJ YAYASAN PELAJARAN JOHOR
PEPERIKSAAN AKHIR**

NAMA KURSUS : PERANCANGAN SUMBER MANUSIA
KOD KURSUS : DSM2093
PEPERIKSAAN : OKTOBER 2017
MASA : 2 JAM 30 MINIT

ARAHAN KEPADA CALON

1. Kertas soalan ini mengandungi **TIGA (3)** bahagian:

BAHAGIAN A (20 Markah)
BAHAGIAN B (40 Markah)
BAHAGIAN C (40 Markah)
2. Calon tidak dibenarkan membawa masuk sebarang peralatan ke dalam bilik peperiksaan kecuali dengan kebenaran pengawas peperiksaan.
3. Sila pastikan bahan-bahan berikut diperoleh untuk sesi peperiksaan ini:
 - i. Kertas Soalan
 - ii. Kertas Jawapan Objektif
 - iii. Buku Jawapan

JANGAN BUKA KERTAS SOALANINI SEHINGGA DIBERITAHU

KERTAS SOALANINI MENGANDUNGI 12 HALAMAN BER CETAK TERMASUK MUKA HADAPAN

BAHAGIAN A

Bahagian ini mengandungi **DUA PULUH (20)** soalan.

Jawab SEMUA dalam Kertas Jawapan Objektif.

1. Pilih yang manakah antara berikut **tidak** termasuk di dalam perancangan sumber manusia?
 - A Rancangan kakitangan.
 - B Rancangan pengeluaran.
 - C Pelan pampasan.
 - D Pelan latihan dan pembangunan.

2.

- Kerugian kecekapan
 - Kos gaji berlebihan
 - Lebihan pengeluaran tidak dapat dipasarkan

Pernyataan 1

Pernyataan 1 menunjukkan kesan negatif daripada masalah _____.

- A kekurangan pekerja.
- B lebihan pekerja.
- C kekurangan pekerja mahir.
- D lebihan pekerja mahir.

3. Manakah antara berikut yang diperlukan dalam ramalan kakitangan?

- i. Keperluan kakitangan
- ii. Penawaran calon dalam organisasi
- iii. Penawaran calon luar organisasi
- iv. Kadar pusing ganti pekerja

A i dan ii sahaja.

B ii dan iii sahaja.

C i, ii dan iii sahaja.

D i, ii, iii dan iv.

4. Berikut merupakan maklumat yang terkandung di dalam spesifikasi pekerjaan kecuali

- A pengetahuan, kemahiran dan kebolehan melalukan pekerjaan.
- B laluan kerjaya.
- C kelayakan pendidikan dan pengalaman kerja.
- D hubungan pelaporan.

5. Apakah istilah yang biasa digunakan bagi menerangkan pekerjaan seseorang dari segi tugas dan tanggungjawab?

- A Analisis pekerjaan.
- B Deskripsi pekerjaan.
- C Spesifikasi pekerjaan.
- D Ramalan pekerjaan.

6. Bagaimanakah sesebuah organisasi menentukan permintaan tenaga kerja?

- i. Berdasarkan permintaan terhadap produk atau servisnya.
- ii. Berdasarkan perubahan terhadap kadar pusing ganti pekerja.
- iii. Berdasarkan perubahan terhadap perancangan organisasi.
- iv. Berdasarkan kemasukan warga asing.

A i dan ii sahaja.

B ii dan iii sahaja.

C i, ii dan iii sahaja.

D i, ii, iii dan iv.

7. Antara berikut, manakah merupakan kelebihan bagi inventori kemahiran berkomputer?

- A Organisasi memantau kelayakan pekerja dalam bilangan yang minimum.
- B Memudahkan aktiviti pengambilan pekerja dan merancang program latihan.
- C Organisasi tidak perlu mengemaskini maklumat pekerja dari masa ke masa.
- D Organisasi memerlukan kos yang banyak untuk membeli sistem berkomputer.

8. Sebahagian daripada tugas dilaksanakan oleh pekerja daripada organisasi di luar-rumah.

Pernyataan 2

Pilih yang manakah menerangkan sistem kerja sepetimana yang diterangkan dalam Pernyataan 2.

A *Outsourcing*.

B *Offshoring*.

C Pengambilan pekerja sementara.

D Pengambilan pekerja kontrak.

9. Yang manakah antara berikut merupakan tindakan strategik rekabentuk sistem kerja sekiranya majikan mengeksport tugas dan pekerjaan ke negara luar?

- A *Outsourcing*.
- B *Offshoring*.
- C Penggabungan.
- D Pengambilalihan

10. Apakah langkah yang digunakan oleh organisasi dalam mengatasi masalah lebihan pekerja?

- A Melaksanakan penyumberan luar.
- B Mengambil pekerja sementara.
- C Mengurangkan jumlah jam bekerja.
- D Mengisi kekosongan jawatan.

11. Antara berikut, yang manakah merupakan kadar bayaran bagi kerja lebih masa pada hari bekerja biasa?

- A $1.5 \times$ kadar gaji sejam biasa.
- B $2 \times$ kadar gaji sejam biasa.
- C $2.5 \times$ kadar gaji sejam biasa.
- D $3 \times$ kadar gaji sejam biasa.

12.

- Penjimatan kos.
- Hasil yang lebih efektif dalam pengendalian fungsi jabatan.
- Meraih kelebihan bersaing.

Pernyataan 3

Pernyataan 3 menerangkan kebaikan bagi aktiviti _____.

- A pengambilan pekerja sementara.
- B penyumberan luar.
- C perubahan gaji dan jam bekerja.
- D *offshoring*.

13. Mengapa kerja yang mengambil tawaran program persaraan awal tidak berpuas hati dengan keputusan mereka?

- i. Terlebih jangkaan terhadap program persaraan awal.
 - ii. Trauma kerana berlaku persaraan yang tidak dirancang.
 - iii. Emosi yang tidak bersedia untuk meninggalkan pekerjaan.
 - iv. Masih mengejar impian keusahawanan.
- A i dan ii sahaja.
 - B ii dan iii sahaja.
 - C i, ii dan iii sahaja.
 - D i, ii, dan iii.

14. Antara berikut yang manakah **bukan** model rekabentuk sistem kerja?

- A Apa yang pekerja lakukan.
- B Apa yang pekerja perlukan.
- C Bagaimana sesuatu pekerjaan berkait dengan pekerjaan yang lain.
- D Bagaimana pekerjaan berkait dengan pampasan.

15. Apakah yang manakah dimaksudkan dengan pengkhususan kerja?

- A Pekerja mendapat tambahan tugas pada tahap yang sama.
- B Pekerja mendapat tambahan tugas pada tahap yang berbeza.
- C Pekerja mempunyai kepakaran dalam satu bidang tertentu.
- D Pekerja mempunyai pelbagai kemahiran.

16. Apakah pertimbangan yang perlu ada dalam mereka bentuk sistem kerja bagi memenuhi keperluan pekerja?

- A Pembesaran kerja.
- B Pengkhususan kerja.
- C Pusingan kerja.
- D Keselamatan kerja.

17. Tugasan kerja yang manakah sesuai bagi pegawai pinjaman bank?

- A Tugas berkumpul.
- B Tugas berturutan.
- C Tugas timbal balik.
- D Tugas rawak.

18. Antara berikut, yang manakah **benar** mengenai tugas berturutan?

- A Pekerja bekerja secara berdikari.
- B Pekerja bekerja secara rawak.
- C Pekerja bekerja mengikut aliran kerja.
- D Pekerja bekerja mengikut keadaan semasa.

19. Mengapakah aktiviti penggabungan dan pengambilalihan gagal?

- A Meningkatkan pasaran saham.
- B Meningkatkan kecekapan kos.
- C Meningkatkan perbezaan budaya dan tujuan.
- D Meningkatkan daya saing.

20. Manakah antara berikut mempunyai kaitan dengan perekutan melalui internet?

- i. Menjimatkan kos.
- ii. Berkesan dalam menjana pemohon.
- iii. Iklan kekosongan jawatan di tampil pada papan kenyataan.
- iv. Pelajar kolej merupakan sasaran pemohon.

A i dan ii sahaja.

B ii dan iii sahaja.

C i, ii dan iii sahaja.

D i, ii, iii dan iv.

[20 MARKAH]

BAHAGIAN B

Bahagian ini mengandungi **EMPAT (4)** soalan.

Jawab SEMUA soalan. Jawab dalam Buku Jawapan.

SOALAN 1

a. Berikan definisi perancangan sumber manusia.

(2 markah)

b. Huraikan **tiga (3)** objektif utama perancangan sumber manusia.

(6 markah)

c. Huraikan **dua (2)** jenis perancangan sumber manusia.

(6 markah)

SOALAN 2

a. Huraikan **dua (2)** teknik kuantitatif yang digunakan dalam ramalan permintaan sumber manusia.

(4 markah)

b. Huraikan **tiga (3)** teknik kualitatif yang digunakan dalam ramalan permintaan sumber manusia.

(6 markah)

SOALAN 3

Senaraikan **enam (6)** faktor yang digunakan dalam aktiviti menganalisis pasaran buruh.

(6 markah)

SOALAN 4

a. Senaraikan **tiga (3)** kelebihan dan **tiga (3)** kekurangan bagi organisasi yang merekrut secara dalaman.

(6 markah)

b. Senaraikan **dua (2)** kelebihan dan **dua (2)** kekurangan bagi organisasi yang merekrut secara luaran.

(4 markah)

[40 MARKAH]

BAHAGIAN C

Bahagian ini mengandungi **TIGA (3)** soalan, jawab **DUA (2)** soalan sahaja.

Jawab dalam Buku Jawapan.

SOALAN 1

- a. Jabatan Sumber Manusia perlu memastikan setiap pekerjaan dalam organisasi telah dianalisis dan didokumenkan. Berikan definisi analisis pekerjaan dan huraikan **empat (4)** kepentingan analisis pekerjaan.

(10 markah)

- b. Pengurus Sumber Manusia merupakan orang terpenting dalam menganalisis pekerjaan. Terangkan **dua (2)** kaedah yang digunakan dalam menganalisis pekerjaan.

(10 markah)

SOALAN 2

- a. Perbandingan di antara permintaan dan penawaran sumber manusia akan menunjukkan hasil sama ada berlaku lebihan atau kekurangan tenaga kerja. Bincangkan **dua (2)** langkah yang diambil bagi syarikat yang mengalami lebihan pekerja.

(10 markah)

- b. Penggabungan dan pengambilalihan asalnya berlaku di Amerika Syarikat pada tahun 1929. Berikan definisi penggabungan dan pengambilalihan. Secara terperinci, terangkan **tiga (3)** kelebihan bagi aktiviti penggabungan dan pengambilalihan.

(10 markah)

SOALAN 3

- a. Kakitangan (*staffing*) merupakan proses merekrut pemohon dan memilih bakal pekerja. Bincangkan lima (5) kaedah merekrut yang diamalkan dalam organisasi.

(10 markah)

- b. Pemilihan merupakan proses memilih calon yang paling sesuai dari kelompok pemohon untuk mengisi kekosongan jawatan. Secara terperinci, bincangkan:

- i. **tiga (3)** teknik yang digunakan untuk mengumpul maklumat pemohon.

(6 markah)

- ii. **dua (2)** jenis ujian pemilihan yang popular

(4 markah)

[40 MARKAH]**KERTAS SOALAN TAMAT**

